B637:
SULTAN-KURNIA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 12 MALAM INI)

KUALA KANGSAR, 14 SEPT. 1981 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGETUAI SENARAI 498 ORANG PENERIMA DARJAH KEBESARAN DAN PINGAT NEGERI SEMPENA HARI KEPUTERAAN YANG KE-57 BAGINDA SULTAN PERAK HARI INI.

PERDANA MENTERI DIANUGERAHKAN DARJAH SERI PADUKA CURA SIMANJA KINI (S.P.C.M.) YANG MEMBAWA GELARAN DATUK SERI.

DUA ORANG TELAH DIANUGERAHKAN DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA PERAK (S.P.M.P.) YANG JUGA BERGELAR DATUK SERI, EMPAT ANUGERAH DATUK PADUKA CURA SIMANJA KINI (D.P.C.M.), EMPAT DATUK PADUKA MAHKOTA PERAK (D.P.M.P.) DAN SEORANG MENERIMA DATUK PAHLAWAN TAMING SARI (D.P.T.S.) KESEMUANYA DISAMPINGKAN GELARAN DATUK.

MEREKA YANG MENERIMA S.P.M.P. IALAH SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, ENCIK MOHAMED KHALIL HAJI HUSSEIN DAN BEKAS MENTERI BESAR PERAK, DATUK SHAARI BIN SHAFIE. -- B~~ERSAMBUNG~~ 1943/A!